

Istiadat Kerjan

Penghulu Luak Terachi

Ke 16 pada 19.5.1990

ISTIADAT KERJAN PENGHULU LUAK TERACHI KE - 16

DATO' ANJAH PAHLAWAN ORANG KAYA TERACHI LELA SETIAWAN

MOHD. NASIR BIN HAJI NORDIN

PADA 19.5.1990 HARI SABTU, JAM 10.00 PAGI BERSAMAAN 24 SYAWAL 1410
DI RUMAH TELAPAK, KG. TERACHI

1. Aturcara Majlis.
2. Ucapan pembukaan memulakan istiadat oleh Dato' Amar Pahlawan.
3. Ucapan Perpaduan Setia daripada anak-anak buah oleh Dato' Amar Pahlawan.
4. Senarai Dato'-Dato' Lembaga, Buapak dan Ibu Soko yang melakukan istiadat menyembah.

ATUR-CHARA


DIMARI KERN J A N PENGHULU
LUAK TERACHI PADA 19/5/1990.

Juru achara majlis ini ialah Pegawai Penerangan Kuala Pilah.

1. Jam 0900 kesampaian mereka-mereka yang berkenaan.
2. Jam 0950 Juru-achara mengambil tugas.
3. Jam 1000 Kesampaian tetamu-tetamu undangan.
4. Jam 1030 Istiadat KERJAN dimulakan: (berlangir limau).
5. Jam 1050 Kesampaian Penghulu Luak Jempul: Dato' Putra Lela Setiawan
Mj: Mohd: Hashim Abdullah.
6. Jam Sasudah berlangir limau, Dato' Penghulu naik kaatas rumah.
7. Jam 1100 Kesampaian Dato' Penghulu Luak Muar: Dato' Bendahara Setia
Maharaja, Setia Maharaja Lela Pahlawan: Abu Zarin Sulaiman.
8. Jam 1105 Penghulu Luak Terachi Dato' Anjah Pahlawan, Orang Kaya Terachi
Lela Setiawan: Mohd: Nasir Mj: Nordin, keluar kaserambi dan
duduk ditempat yang telah disediakan khas untuk menerima me-
nyembah dari mereka-mereka yang berkenaan dalam istiadat
KERJAN: diiringi oleh Cha' Puan/Toh Puan dan dua orang besar-
nya Dato' Amar Penghulu beserta Dato' Siamar Raja.
9. Jam 1110 Uchapan oleh Setia Usaha Istiadat: Dato' Amar Pahlawan Maji
Mohd: Sidek Abd: Manaf.
10. Jam 1115 Istiadat menyembah dimulakan: dijalankan oleh Dato' Siamar
Raja Yunus bin Keen dengan memanggil mengikut gelaran dan di-
akhiri oleh beliau sendiri selaku penutup.
11. Jam 1215 Uchapan Perpaduan Setia: disampaikan oleh Setia Usaha Majlis
Ketua-ketua Adat Luak Terachi: Dato' Amar Pahlawan Maji
Mohd: Sidek Abd: Manaf.
12. Jam 1220 Uchapan oleh Dato' Anjah Pahlawan, Orang Kaya Terachi Lela Stn.
13. Jam 1230 Do'a dibacakan oleh Penasehat Ugama Majlis Ketua-ketua Adat
Luak Terachi: Tuan Maji Omar bin Suntung.
14. Jam Salepas do'a Dato' Penghulu Luak Terachi datang berjumpa Peng-
hulu-penghulu yang hadir, berkenal-kenalan: saterusnya ber-
edar ketempat rehat.
15. Jam 1245 Berbaris dikiri jalan masuk diahului oleh Penghulu-penghulu
Luak Tanah Mengandung (2) Lembaga-lembaga (3) Pegawai-pegawai
kerajaan (4) Isteri-isteri Dato' Lembaga (5) Cha' Puan / Toh Puan
16. Jam 1300 Kesampaian Y.T.M Tengku Laksamana disambut oleh Penghulu Luak
Terachi, Toh Puan dan Lebananya: diperkenalkan kepada Peng-
hulu-penghulu Luak yang hadir: kemudian turut mengiring hingga
ketempat khas Diraja. (Dato'-dato' Penghulu dan Toh Puan,
Setia Usaha Dewan Keadilan, Wakil-wakil Rakyat, *By Dato' K.P. dan*
Khas Diraja dan yang lainnya dikhemah yang telah dikhaskan.
Qadzi Daerah
17. Uchapan penutup oleh Juru-achara. Salepas lagu Kebangsaan.
18. Jamuan nasi.
19. Do'a oleh kadzi Daerah K. Pilah atau wakilnya.
20. Tamat.
- * * Tembakkan 6das: diwaktu bermula berlangir limau dan 11 das
kesampaian YTM Tengku Laksamana.

Uchapan Pembukaan Memulakan Istiadat Menyembah:
KERJAN PENGUMULU Luak Terachi
Yang ke 16;

Pada hari Sabtu 19/5/90/24Shawal 1410.



Yang mulia Dato' Anjah Pahlawan, Orangkaya Terachi Lela Setiawan. Minta keizinan, istiadat menyembah akan dimulakan.

Bahawa istiadat menyembah ini adalah suatu amali dalam Adat Perpatih sejak bermulanya Adat Perpatih dan pentadbirannya di N.Sembilan Darul Khusus ini: khasnya diluak Terachi yang mana ambilannya ambilannya seperti yang dikatakan, Beraja ka Johor, bertali ka Siak dan bertuan ka Minangkabau.

Beraja ka Johor berarti sambungan Raja yang memerintah Melaka berpindah ka Johor yang mana sabahagian sebelah sini yang dipanggil Kelang adalah sabahagian dari Melaka. Berpindahnya Raja Melaka ka Johor tidaklah berarti perhubungan beraja terputus. Raja Johor yang dimaksudkan bukanlah Raja atau keturunan Raja Johor sekarang. Beraja ka Johor itu hanya sangkutan beraja sahaja: tetapi pemerintahan adalah dibawah kuasa otonomi bersendirian: maka menjadilah sasaorang Penghulu itu dialah Raja dan dialah Penghulu didalam Luaknya.

Bertali ka Siak ialah laluan kedatangan Raja dari Minangkabau ka Melaka dan Siak adalah sabahagian kerajaan yang didirikan oleh Raja dari Minangkabau.

Bertuan ka Minangkabau, ialah chara peraturan dan pemerintahan mengikut chara yang dibawa dari Minangkabau, iaitu dikenali dengan Adat Perpatih sekarang ini yang didasarkan chara pemerintahan nya seperti yang dikatakan, "Di Aceh Rajanya berdaulat, di Minangkabau Rajanya disembah: Dipasisiran Rajanya berdaulat, di daratan Rajanya Minangkabau. Perkataan, perkataan ini adalah melambangkan System Demokrasi yang telah dianuti oleh keturunan bangsa Melayu.

Memperaturkan menyeluruh dari bawah keatas, berjejer naik bertangga turun, charian dalam anak-buah. Sabulat anak-buah menjadikan Buapak: sabulat anak-buah serta Buapaknya menjadikan Lembaga: sabulat Lembaga menjadikan Penghulu: sabulat Penghulu menjadikan Raja.

Sabulat Lembaga yang dimaksudkan itu, termasuklah bakti menyembah seperti yang diadakan dalam istiadat majlis Kerjan hari ini.

Istiadat menyembah ini dijalankan oleh Dato' Siamar Raja Yunus bin Meen dengan memanggil gekaran dan nama, saprang demi saorang sabagai-mana yang diperaturkan seperti katanya, "Sabda memanggil, sila datang menyembah. Sakian yang mulia Dato' majlis istiadat bermula.

Uchapan

Tamatnya istiadat majlis meyembah dalam istiadat
KERJAN Penghulu Luak Terachi ke 16: Dato' Anjah
Pahlawan Orangkaya Terachi Lela Setiawan: Mohd:
Nasir bin Maji Nordin: dikg:Mampas Pada 19/5/90
24hb:Shawal 1410.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين
Perpaduan - Setia

Yangmulia Dato-dato' Luak Tanah Mengandung Bersatu, Dato'
Anjah Pahlawan, Orang Kaya Terachi Lela Setiawan, Dato' Mohd:Nasir
Mj:Nordin, Dato' Bendahara Setia Maharaja, Sri Maharaja Lela Pahlawan
Dato' Abu Zarin Sulaiman Ulu Muar, Dato' Putera Lela Setiawan, Dato'
Haji Mohd:Nashim Abdullah Jempul, Dato' Orangkaya Stiawan Mempasir,
~~Gunung Pasir~~ Dato' Mansor Gempam Gunung Pasir, Dato' Jehan
Pahlawan Lela Perkasa Walad kg:Dioh, Dato' Yusof Bader Inas.

Mamba dato' minta keidzinaan untuk berhakap sapatiah dua kata
kepada hadirin, apa yang dikatakan Perpaduan - Setia. Sembah kiizinan
yangmulia dato'. dan dato'-dato' orang besar istana

Yang berbahagia dato'-dato' Lembaga, Yang berhermat wakil-
wakil raayat, Yang berbahagia Tuan Bashar Pemangku Ketua Pegawai
Daerah Kuala Pilah, Ketua-ketua Jabatan-jabatan Daerah K.Pilah, Tuan
Baidi daerah K.Pilah, dhif-dhif yang kehermat, imam-imam, pemuka-pemuka
ugama, ketua-ketua kampung, buapak-buapak, waris berseke, orang seadat,
orang seresam, hadirin, hadhirat sakalian Assala wualaikum warah ma-
tillahi wabarakatuh.

Saya tidak berhajat berhakap panjang sabagai saorang ahli
pidatu hanya untuk mengingati kembali peristiwa lampau dan pedoman
hidup bermasharakat bangsa Melayu yang berpegang kepada ugama Islam
yang berpandukan ajaran Dato' Perpatih Nan Sabatang.

Bahawa Adat Perpatih yang telah menjadi pedoman dan ikutan
orang-orang Melayu di N.Sembilan ini khasnya didasarkan atau mendasarkan
Perpaduan dan setia, ia-itu, "Adat Bersendi Hukum, Hukum bersendi
Kitab Allah, Tiga tali sapilin, tiga tangku sejerangan.

Kata-kat ini mengertikan kepada kita amalan yang bersatu padu.

1. Adat bersendi hukum, ialah Adat atau hukum Adat itu tidaklah
berjalan bersendirian melainkan dipersetujui jua oleh hukum ugama
Islam yang ambilannya dari Quran dan Hadith:apa-bila ia dimeshuaratkan
bersama untuk diambil keputusan.

2. Tiga tali sepilin ialah perpaduan tigagegi atau dalam Adat
dipanggil kerapatan tiga kumpulan, ia-itu kumpulan Adat itu sendiri,
kumpulan ugama dan kumpulan cherdik pandai. Sasuatu hukum atau peraturan
yang hendak dibuat untuk dijalankan, ketiga-tiga kumpulan ini berme-
shuarat lebih dahulu dengan tidak meninggalkan atau mengenyepikan satu
pehak yang lain. Maka hasil atau keputusan moshuarat itu dijadikan
peraturan dalam pentadbiran atau sabarang gerak-langkah yang menjadi
kehidupan bermasharakat dikalangan pengikut-pengikut atau pengamal Ad

Perpatih itu.

3. Tiga tunggu sejerangan, ialah perpaduan kekeluargaan dari sebelah menyebelah, keturunan ibu dan keturunan bapa dan ikatan kesukuan. Ketiga-tiga menjadi satu dan bersatu, maka menjadilah ia perpaduan yang ikhlas dan bersetia kepadanya. Saperti kata orang Minangkabau, "Ganggam nan beruntuk, hidup nan berpaduk dari pusaka tinggi hidup nan berkarelaan, mati nan bertungkek budi. Kumpulan ini juga dikenali di Minangkabau, "Orang nan sapariék, Induk baqo dan anak pisang. Adat Perpatih di luak-luak Tanah Menhandung sekaran dikenali perpaduan ini, "Waris berseke, orang seadat dan orang seresam dan ditambahi dengan qadim berdekak dan qadim jaeh".

Dalam penghuraiananya bahawa tiap-tiap orang yang hidup dalam masharakat Adat Perpatih tidaklah bersaerangan atau bersendirian ianya sentiasa mendapat simpati dari yang lainnya, saperti arahan Adat, "Gaduh dihulu, kahulu; gaduh dihilir, kahilir dan ditengah di-kampung. Ini bererti, dimana juga ada perkara-perkara kemasharakatan maka masharakat Adat akan memberi bantuan atau berpadu menjayakannya.

Dalam perkembangan masharakat meden sekurang, apa yang berlaku saperti hari ini 19/5/90, majlis istiadat yang dapat dijalankan adalah hasil kerja-sama dari banyak yang terlibat, Pejabat Daerah, Majlis Daerah, Jabatan Kerja-raya, Jbatan Bekalan Ayer, Jabatan Penerangan, Jabatan Polis, orang persaorang dan lain-lain. Ini menunjukkan perpaduan yang ikhlas dan ketua-ketua jabatan adalah orang yang setia kepada perpaduan.

Bagi orang-orang Adat juga menjalankan setia kepada perpaduan dengan menjalankan kewajipan masing-masing dan bersatu menjayakan majlis kerjan Penghulu Terachi yang kel6 hari ini.

Maka saya pada hari ini disaat ini, saya mengambil kesempatan mengharap perpaduan yang sabagini kita setiakan hingga kabila-bila masa pun: sayangkan bangsa, bangsa dipertahankan: ~~sayangkan~~ sayangkan negeri, negeri dipertahankan: sayangkan Adat, Adat dipertahankan: sayangkan perpaduan, perpaduan dipertahankan: kita semua bersetia kepadanya: inilah dia ajaran Dato' Perpatih Nan Sabatang.

Pada akhirnya, diperturunkan pesanan Dato' Perpatih sebagai wasiatnya dikala hampir akhir ayatnya: *kpd P'lu:-*

1. Kasih engkau pada negeri.
2. Kasih engkau pada isi negeri.
3. Kasih engkau kepada orang-kaya.
4. Kasih engkau kepada orang tua.
5. Kasih engkau kepada orang berilmu.
6. Kasih engkau pada orang gadang.
7. Kasih engkau pada Penghulu-penghulu yang benar.
8. Kasih engkau kepada orang yang mempunyai bichara: itulah nan tinggi dalam negeri.

Maka janganlah engkau ubahi sepeninggalan aku supaya selamat pekerjaan engkau selam-lamanya.

(2)

Nasehat dari Date' Suri Diraje:-

1. Orang jangan takut mati, takut mati itu termasuk disa.
2. Segala sesuatu akan berganti, seperti perpatah, "Patah tumbuh hilang berganti.
3. Hendaklah semua orang ~~bersatu~~ Minangkabau bersatu kerana semua sama; tidak lebih dan tidak kurang.
4. Janganlah berdengi-denkian: orang Minangkabau semalu kerana malu belum dibagi.

Adalah mustahil hal-ehwal Adat Perpatih dapat diuraikan dalam masa yang singkat kerana Adat Perpatih adalah peraturan per-dangan yang menyeluruh.

Apa yang perlu kita fikirkan ialah, Adat Perpatih menyimpul fahamannya kepada perpaduan dan kesaksamaan. Jika telah tersilap atau gelejeh terambil hak orang, kembalikan saja dari mana datangnya kerana kita orang Melayu ada haknya sendiri dan lebih baik. Sesat diujung jalankembalilah kapangkal jalan.

الحمد لله الذي هدانا لهذا
والحمد لله الذي هدانا لهذا
والحمد لله الذي هدانا لهذا

يا الله يا عزيز يا غفار
يا الله يا وحيد الفكان
اسلامك

- dv -

- dv -

Yang mulia Date'-date' Luak Tanah Mengandung bersatu, sakan saja yang dapat diungkapkan, sakador imboson. ampun dote'.

Date' Apar pahlawan

.....
SU/ MKK Luak Terachi.

Mereka-mereka yang menyembah dihari
KERJAN Penghulu Luak Terachi ke 16,
Mohd:Nasir Mj:Nordin pada 19/5/90.

1. Lembaga-lembaga:

- | | | |
|----|---|------------------|
| 1) | Date' Raja DiMuda: Deli bin Tahir: | Biduanda. |
| 2) | Date' Menti Maharaja: Abd:Rahman bin Oyek: | Tiga Nenek. |
| 3) | Date' Amar Pahlawan: Mj:Mohd:Sidek Abd:Manaf: | Anak Acheh. |
| 4) | Date' Raja Sekara: Abd:Adziz bin Kasim: | Sri Lemak. |
| 5) | Date' Raja Senara: Mashim bin Abd:Rahman: | Batu Belang. |
| 6) | Date' Paduka Menteri: Jamlus Abd:Ghani: | Batu Mampar. |
| 7) | Date' Amar Penghulu: Othman Ahmad: | Sri Lemak Waris. |
| 8) | Date' Siamar Raja: Yunus Meen: | Sri Lemak Waris. |

2. Buapak-buapak:

1. Suku Biduanda: Siamar Menteri: Meen Ahmad atau KASO Besar Waris: Musain bin Tahir.
2. Suku Tiga Nenek: Setia Raja: Mj:Mahmud bin Lasim.
3. Suku Anak Acheh: Dukasinda: Derus bin Raham.
4. Suku Sri Lemak: Setia Pahlawan? Mj:Awaluddin Ponder.
5. Suku Batu Belang: Jikaya: Derus bin Ismail.
6. Batu Mampar: Penglima Sati: Yaakub bin Muhammad.

3. Seke (Ibu seke):

- | | | |
|----|----------------------|--------------|
| 1) | Bedah bt Ibrahim: | Biduanda. |
| 2) | | Tiga Nenek. |
| 3) | Saunah bt Basir: | Anak Acheh. |
| 4) | Peso bt Mj:Musain: | Sri Lemak. |
| 5) | Mjh:Rahmah bt Talib: | Batu Belang. |
| 6) | | Batu Mampar. |
-